



x GURU 2 BRUNEI DI - SANA SINI

Sekarang Sudah Meningkatkan Angka Ke-100 Orang

KERAJA'AN Negeri Brunei sekarang sudah mempunyai seramai 100 orang penuntut2 yang sedang berlateh dalam hal perguruan di-Maktab2 dalam dan luar negeri. Penuntut2 ini selain dariyang sudah lulus dan sekarang sedang bertugas.

Kesemua penuntut2 ini ada-lah terdiri dari anak2 Brunei yang di-peranakan di-Brunei; dan sekarang sedang menuntut di-beberapa buah Maktab2 dan Pusat2 Latehan Guru2 di Negeri Brunei, Borneo Utara, Singapura, Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan England.

Yang sedang berlateh di-Pusat Latehan Guru2, Brunei ia-lah seramai 66 orang; sa-orang daripadanya perempuan dan yang lain2 itu lelaki semua. Di-Borneo Utara di-Kent College (semua-nya terdiri dari guru2 wanita), seramai 12 orang. Di-Pusat Latehan Guru2, Singapura sa-orang; di-Persekutuan Tanah Melayu: di-Maktab Latehan Kota Baharu, Kelantan 10 orang lelaki dan sa-orang wanita, di-Maktab Latehan Guru2 Melayu, Malacca sa-orang (wanita); di-Sekolah Perguruan China, Sibu, Sarawak sa-orang (lelaki) dan di-Kirkby, England sa-orang lelaki.

Penuntut guru2 lelaki berjumlah 82 orang dan guru2 wanita berjumlah 18 orang.

Selain dari itu Kerajaan Negeri Brunei juga ada menghantar beberapa penuntut2 dari Persekutuan Tanah Melayu atas perbelanja'an atau Dermasiswa Kerajaan Brunei, berlateh di-Kirkby Training Teachers dan di-Malayan Language Institute Teacher Course.

Yang menuntut di-Kirkby 5 orang guru2 lelaki dan 2 orang guru2 wanita. Di-Malayan Language Institute Teacher Course 2 orang, kedua2-nya guru2 lelaki.

Guru2 tersebut sekarang sudah pun bertugas di-sini.

DERMASISWA TIGA KOMPENI DI-BORNEO TAHUN 1958

Royal Dutch/Shell Group gabungan ketiga2 buah Shari-
kat Minyak; Brunei, Borneo Utara dan Sarawak telah bersama
mempersetujui mengurniakan apa yang di-gelarkan Dermasiswa
Shell kepada 66 orang penuntut dari tiga2 buah Daerah ini
berjumlah \$36,000 dalam tahun 1958 guna memberi bantuan
menempoh darjah2 tinggi dalam pelajaran. Pembayaran ini
termasok penyambongan yang di-anugerahkan dalam tahun 1957.

Ini ada-lah berdasarkan apa yang telah di-persetujui
oleh Jabatan2 Pelajaran ketiga2 buah Daerah dan penganuge-
rahan menurut chorak tiap2 daerah dalam lapangan pelajaran
dan sudah tentu memandang kepada penuntut2 yang di-percha-
yai akan mendatangkan faedah atau keuntungan.

Penuntut2 dari Brunei yang mendapat Dermasiswa terse-
but berbilang seramai 18 orang, dari Sarawak 27 orang dan
dari Borneo Utara 21 orang.

Penuntut yang Dermasiswa-nya mendapat sambongan (ia-
itu yang mendapat dalam tahun 1957) dari Brunei berbilang
seramai 10 orang dan dari Sarawak seramai 13 orang.

Merka2 yang mendapat Dermasiswa:

Dari Brunei yang menempoh peperiksa'an Senior Cam-
bridge ada-lah seperti berikut:-

Lin Ai Fang, Yap Kai San, Lim Eng Ming, Vincent
Khoo, Juliana Khoo, Chu En Choi, Florence Chua, Ong Pang
Ting, Abdullah bin Haji Md. Ja'afar, Basir bin Salleh,
Md. Ali bin Bakar, Md. Salleh Hidup, Zaili bin Yusuf,
Mahmud Bakir, Zakaria bin Jeneh, Ak. Omar bin Pgn. Lim-
bang, Abu Bakar bin Abdul Rahman dan S.M. Salleh.

Yang Dermasiswa-nya tahun 1957 mendapat sambongan ia-
lah: Ak. Sani bin Pgn. Ahmad, Abdullah Ghaphor bin Sanad,
Chong Kow Tze, Ibrahim bin Mohamad, Zahara binte Ideris,
Hussain bin Daud, Kassim bin Daud, Abdul Rahim bin Abdul-
lah, Joseph Lim dan Boniface Khoo.

Dari Sarawak yang menempoh darjah2 permula'an:-


Juna anak Jawi, Ranai anak Mesa, Serit anak Machan,
Lintang anak Jajop, Ranggie anak Ulat, Ugak anak Simpang,
Krokoh anak Baling, Impi anak Naong, Ragan anak Ansan,
Miskin anak Gindal, Tenek anak Nyapi, Kondans anak Antin,
Akan anak Maing, Nyuah anak Garan, Lambung anak Mesing
dan Jogis anak Mangku.

Yang menempoh peperiksa'an Senior Cambridge:-

Lim Ee Chiat, Sufian bin Abang Saufi, Thomas Then,
Bernard Solosa, Joseph Lin, Bunjai Ragai, Norissa binte
Abang Saufi, Kit Su Len, Sepawi bin Ariffen, Linggi anak
Sanjan dan Abdullah bin Yussuf.

Yang Dermasiswa-nya tahun 1957 mendapat sambongan ia-
lah: Edwin Dundang, Danson Millai Unting, Lau Suan Liak,
Darrell Tsen Nyuk Choi, Ong Boon Liang, Lee Chi Liang,
Lim Bok Leng, Ngui Moi Ken, Patricia Brodie, lo Lee Yin,
John Kong Ygi Chong, Irene Chew Swee Lian dan Si Kheng Kwang.

LAWATAN SULTAN KA-SERIA DAN KA-KUALA BELAIT




GAMBAR ATAS: Orang ramai dan budak2 sekolah kelihatan sedang mengebar2kan Bendera Brunei, sedang DYMM Sultan (dalam kereta H.H.) melimpasi mereka perlahan2 melalui sa-buah garbang yang di-dirikan di-Pekan Seria.

Di-Kuala Belait budak2 sekolah sedang bersedia menunggu ketiba'an DYMM itu dari Seria. Budak2 sekolah ini terdiri dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

GAMBAR BAWAH: Pemandangan dari Seria Recreation Club melihat ka-arah kolam mandi kepunya'an club itu.

DYMM dan Rombongan kelihatan seang di-bawa melehat2 di-kawasan Club itu.

- Gambar2 GBIS -



DUA KERABAT DIRAJA MANGKAT TA' JAUH GUNTONG

Dengan sedeh di-beritakan bahawa Pengeran Isteri Haji Noralan, isteri kapada almarhum Duli Pengeran Bendahara "nak Haji Mohd. Yassin telah mangkat pada 15hbl. February kira2 jam 2.00 pagi yang lalu di-Rumah Sakit Besar Keraja'an di-Bandar Brunei.

Maka dengan itu di-unumkan bahawa Nobat Diraja di-tutup selama 14 hari mulai dari hari kemangkatan almarhum Pengeran Isteri itu.

Tidak berapa lama selepas itu dengan sedeh-nya juga di-beritakan bahawa Yang Teramat Mulia Pengeran Muda Ali Bolkiah Al-Mugeiri, putera yang ke-9 bagi DYMM Sultan telah mangkat pada 17hbl. February, 1958 (ia-itu tiga hari selepas mangkat-nya Pengeran Isteri Haji Noralan) juga di-Hospital Besar Keraja'an di-Bandar Brunei pada jam 8.00 pagi.

Almarhum Yang Teramat Mulia itu telah pun lahir dan baharu berumur lima hari.

Sultan menguchapkan terima kaseh

Melalui mujallah ini DYMM Maulana Al-Sultan menguchapkan berbanyak2 terima kaseh kapada semua yang hadir di-wasa itu kerana kemangkatan putera Baginda itu dan saterusnya kapada yang telah mengirinkan kawat2 keduka'an atas Baginda kehilangan sa-orang putera.

--- oooooooooooooooooo ---

DOKTOR MATA DI-BRUNEI TIDAK BERAPA LAMA LAGI

Dr E.H. Wallace, sa-orang doktor yang mahir dalam bahagian mata di-jangka akan tiba di-Brunei pada 6hbl. March akan datang ini, untuk memeriksa dan mengubati mata di-Clinik mata di-Rumah Sakit Besar Keraja'an, Brunei.


Samasa doktor itu berada di-Brunei nanti, ia juga akan membuat beberapa operation yang bersangkutan dengan mata.

Sementara itu orang ramai ada-lah di-beritahu, sasia-pa yang hendak berperiksa mata di-kehendaki mendaftarkan nama-nya di-Pejabat Rumah Sakit Brunei dengan sacepat mungkin.

Penghulu2 dan ketua2 ada-lah juga di-minta supaya memberikan nama2 anak2 kampung-nya yang akan berperiksa mata ka-Pejabat tersebut.

Untuk pengetahuan orang ramai selanjut-nya di-unumkan bahawa Doktor Wallace akan hanya berada di-Bandar Brunei dari 8hbl. hingga 18hbl. March, dan sakali lagi dari 23hbl hingga 25hbl. March, 1958.

Dr Wallace akan berada di-Limbang dan Lawas dari 19hbl. hingga 23hbl. March, dan di-Daerah Kuala Belait, Brunei dari 26hbl. hingga 1 hbl. April, 1958.



masih lagi belum siap tetapi mungkin dapat di-gunakan
tidak berapa lama lagi.

Ketiga2 gambar ini menunjukkan pemandangan dari luar
dan dalam Perjanj Bandar Lunel, yang telah di-pambil gambar-
nya baharu2 ini.

BALEK DARI BERCHUTI DAN BERPINDAH PEJABAT KA-KUALA BELAIT

Tuan R.G.P.N. Combe, Stipendiary Magistrate di-Brunei telah tiba di-Bandar Brunei selepas berchuti di-luar negeri pada 24hbl. February yang lalu, dan telah pula bertolak ka-Kuala Belait pada 27hbl. February.

LANTEKAN2 -
Berhenti dan menjawat jawatan baru

Maka dengan ini di-fahankan bahawa pada masa hadapan Stipendiary Magistrate yang dulumnya bertempat di-Bandar Brunei akan bertempat di-Kuala Belait. Dari itu segala utus mengutus mengenai-nya hendak-lah di-alamatkan ka-Kuala Belait dan bukan-nya lagi di-Brunei.

Bagaimana pun Stipendiary Magistrate itu akan bertempat di-Bandar Brunei pada tiap2 hari Ithnin hingga ka-hari Thalatha sakira-nya di-kehen-daki.

— 00000 —

dent di-Bandar Brunei dan dari tarikh itu juga Tuan D.L. :
Bruen telah di-lantek menjadi Penolong Resident mengganti-
kan-nya.

Miss M.K. Norris telah di-lantek sabagai Physiotherapist di-Rumah Sakit Besar Kerajaan di-Bandar Brunei mulai dari 3hbl. February, 1958.

Mr B.E. Smythies telah berhenti dari jawatan-nya sebagai Pegawai Kehutanan Negeri mulai dari 30hbl. January, 1958. Mulai dari tarikh ini juga Mr E.F.W.O. Bruning telah di-lan-tek pula menggantikan-nya sebagai Pegawai Kehutanan Negeri, Brunei.

Doktor P.G. Griffiths telah di-lantek sabagai Medical Officer di-Rumah Sakit Besar Keraja'an Negeri Brunei mulai dari 12hb1. February, 1958.

Menjadi Ahli Tenders Board, Brunei

Tuan M.A. Woolcombe telah di-lantek menjadi salah sa-
orang Ahli Tenders Board, Brunei mulai dari 1 hbl. Februa-
ry, 1958 menggantikan tempat H.A. Browning.

Lantekan ini ada-lah berhubung dengan Kenyata'an yang bernombor 129/49 bertarikh pada 28hbl. December, 1949.

LANTEKAN2 -

Berhenti dan menjawab ja-
watan baru

Doktor M.A. Rozalla telah berhenti dari jawatannya sabagai Pemangku State Medical Officer, Brunei dan telah di-lantek pula menjadi Health Officer, Brunei mulai dari 22hbl. January, 1958.

Mulai dari tarikh di-
atas itu juga Dr M.T. Read
telah di-lantek sabagai
State Medical Officer, Bru-
nei.

Mulai dari tarikh 1 hbl. February, Tuan R.H. Morris telah berhenti dari jawatannya sebagai penolong Resi-

" TELAH DI-AKUI DAN DI-SAHKAN BAHAWA "OLD THOMIANS"
" ASSOCIATION BRUNEI TOWN" DI-DAFTARKAN SARAGAI SA-
" BUAH PERSEKUTUAN

TAYANGAN WAYANG GAMBAR PEJABAT PENERANGAN

Di-bawah ini ia-lah Jadual Waktu Tayangan Wayang Gambar Jabatan Penerangan Kerajaan Brunei untuk Daerah2 Brunei, Tutong dan Muara untuk bulan March, 1958 ini:-

BERLATEH DI-KELANTAN

Sabelas orang penuntut dari SOAS College telah terpilih untuk menuntut di-Maktab Perguruan di-Kota Baharu, Kelantan, Persekutuan Tanah Melayu.

Mereka2 itu ia-lah:

Abdul Razak Bungsu, Mahmud Hussain, Mohd. Yakub bin Mantok, Ak. Tajuddin bin Pgn. Ahmad, Ahmad bin M. Hussain, Zainal Abidin bin Muhammad, Saedah binte Abd. Wahab, Mohd. Zain bin Haji Mohiddin, Mohhidin bin Abd. Gani, Abdul Marad bin Abd. Wahab dan Mohamad Ismail,

Kesemua mereka ini telah di-anugerahi Dermasiswa Kerajaan dalam Perguruan untuk 3 tahun.

Mereka itu di-Maktab nanti akan mempelajari sabagai guru2 Melayu/Inggeris untuk mengajar di-sekolah2 permula'an bahagian Melayu dan Inggeris kepunya'an Kerajaan.

Mereka di-jangka akan bertolak dari Brunei ka-Malaya pada 5hbl. March, 1958 akan datang ini dengan kapal terbang.

Pada malam 1 hbl. March - di-Kampung Burong Pingai, Berakas; 4hbl. March - di-Kampung Limau Manis, Brunei di-tempat Haji Sedik; 5hbl. March - di-Sekolah Melayu Pengkalan Batu; 7hbl. March - di-Sekolah Melayu Lamunin; 8hbl. March - di-Sekolah Melayu Sungai Hanching; 9hbl. March - di-Sekolah Melayu Bukit Udal, Tutong; 10hbl. March - di-Sekolah Melayu Ukong, Tutong; 14hbl. March - di-Sekolah Melayu Kiudang, Tutong; 15hbl. March - di-Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong; 24hbl. March - di-Dewan Pejabat Penerangan, Brunei; 27hbl. March - di-Kawasan Penjara, Jerudong; dan pada malam 29hbl. March - di-Kawasan Rumah Sakit Besar Kerajaan di-Bandar Brunei.

Tiap2 tayangan wayang tersebut akan bermula pada pukul 7.15 petang.

TELAH DI-AKUI DAN DI-SAHKAN BAHAWA "SPITITUAL ASSEMBLY OF THE BAHAI OF BRUNEI" DI-DAFTARKAN SABAGAI SA-BUAH PERSEKUTUAN

ABELL HADZIR DI-PERSIDANGAN MMN
BRUNEI

Tuan Yang Terutama Pesuruh
Jaya Tinggi bagi Negeri Brunei
Sir Anthony F. Abell K.C.M.G.,
telah tiba di-Bandar Brunei
dari Kuching, Sarawak dalam sa-
tu lawatan resmi-nya pada 21hbl
February, 1958 yang lalu.

Dalam berada di-Ibu Kota,
Tuan Yang Terutama itu telah
menghadziri bermashuarat dalam
Majlis Mashuarat Negeri, yang
bertempat di-Lapau, Bandar Bru-
nei dua hari berturut2; ia-itu
pada 24 dan 25 hbl. February.

Kehadziran beliau di-Majlis
itu khas untuk merundingkan dan
telah dengan panjang lebar mem-
perbincangkan bersama berkena-
'an Perlanbaga'an Baru Bertulis
Negeri Brunei.

Sabelun bersidang, Tuan Yang
Terutama telah pun mengadap Duli
Yang Maha Mulia Sultan di-Ista-
na Darul-Hana pada ke'esokan
hari-nya tiba di-ibu Kota.

seluruh ketiga2 daerah ini supaya bergiat menuntut satinggi2
pelajaran di-dapat.

Juga, ini ada-lah maksud badan ini menggalakkan pemuda2
tempatan supaya menbolehkan bertugas dalam perindustrian mi-
nyak dalam negeri masing2. Sabalek-nya pula lebeh lanjut di-
fahamkan, Kompeni2 Minyak yang memberikan Dermasiswa ini
tidak mengira yang di-kurniai-nya Dermasiswa pelajaran itu
ia bertugas. Bebas memilih tempat-nya bertugas sendiri.

Samentara itu Kompeni2 ini selanjut-nya menjemput ..
semua penuntut2 yang telah menerima pengurnia'an ini mela-
wat ka-padang minyak di-Seria, Brunei dalamasa chuti
sekolah.

x -sambongan dari muka 2-

Dari Borneo Utara yang
menempoh pepereksa'an Seni-
or Cambridge ia-lah:-

Raymond Joannis, Stanis-
laus Lee, Celestina Thangit,
Lai Wan Song, Tsen Kok Ming
Chia Pel Yun, Chai thien
Choi, Albert Chia Syak Kung,
Chiu Pang kong, Chok yun
Chung, Lin Chew Law, Tan
Chen Sang, Pius Kosong,
Cheong Peok Chai, Mon Kai
Chan, Ng Seck Tho, Chin Yun
Ching, Veronica Sang kulok,
Chung Yin yung, Chang Kwong
Yin dan Chin Ken Kiew.


Di-fahamkan bahawa hing-
ga ka-bulan yang lalu Jaba-
tan2 Pelajaran telah menye-
ru semula dan memberikan
nasehat2 kepada ibu bapa
dan penjaga kanak2 yang akan
menerima pengurnia'an ini.

Tujuan yang sabenar me-
ngurniakan atau memberi ban-
tuan ini ada-lah sanata2
memberikan peluang dan meng-
galakkan pemuda pemudi di-

--- oooOooo ---

TAMASHA HARI IBU BAPA SEKOLAH MELAYU SUNGAI HANCHING

di-adakan 8 dan 9 haribulan M a r c h, 1958 .
Tamasha di-mulakan pada hari pertama dengan pertun-
jokkan Wayang Gambar dari Jebatan Penerangan mulai
pukul 7.30 petang; dan pada hari yang kedua dari
pukul 8.30 pagi dengan berbagai2 pertunjokkan



BERBAGAI-BAGAI KENYATA'AN KERAJA'AN

x Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Yang Baru

Atas persetujuan bersama Tuan Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi bagi Negeri Brunei dengan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Brunei, nama2 yang di-sebutkan di-bawah telah di-lantek menjadi Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei untuk tahun 1958:

Yang di-lantek atas nama jawatan; Tuan British Resident, YTM Duli Pengeran Bendahara, YTM Duli Pengeran Penancha, Tuan Pegawai Penyimpan Wang Negeri dan Tuan Deputy Legal Adviser.

Pengeran Haji Mohammad Salleh, Pehin Dato Perdana Menteri, Tuan R.E Hales, Pengeran Abu Bakar bin Pengeran Omar, Mr George Newn Ah Foott, Pengeran Haji Abu Bakar bin Pengeran Penancha Mohammad Salleh, Pehin Orang Kaya Shahbandar, Pengeran Yusuf bin Pengeran Haji Abdul Rahin, Pengeran Ali bin Pengeran Haji Mohammad Daud, Pehin Jawatan Dalam, Pehin Laksamana, Che'gu Marsal bin Maun dan Pengeran Ahmad bin Pengeran Anak Haji Mohammad Yassin; dan kesemua-nya ini ada-lah ahli2 biasa.

x Edaran Wang Kertas dan Perak

Untuk pengetahuan orang ramai di-bawah ini kita siarkan chabutan peringatan peredaran wang kertas dan perak, yang di-keluarkan oleh Pesuroh Jaya Kewangan Malaya dan Borneo British.

Wang kertas yang dalam edaran pada 1 hbl. February, 1958 berjumlah \$942,095,132.62 sen, menakala wang perak dan tembaga berjumlah \$45,099,985.33 sen.

Pada bulan January, 1958 wang kertas yang di-edarkan dalam hitongan panjang ada-lah \$942,700,760.04; dan wang perak dan tembaga berjumlah sabanyak \$44,490,793.39 .

Belait Cycling Club bubar

Menurut "Undang2 Persekutuan, Panggal 66" bahawa mulai dari 1 hbl. January, 1958 persekutuan yang di-kenal sabagai "Belait Cycling Club" tidak lagi di-jalankan.

Hongkong Bank sudah membayar untuk 1958

Menurut Undang2 Bank, 1956 bab 9 maka untuk pengetahuan ramai bahawa Hongkong dan Shanghai Banking Corporation Ltd., Brunei sudah pun membayar bayaran tahunan bagi 1958.

Pinda'an di-luluskan oleh MMN Brunei

Satu pinda'an yang telah di-lakukan keatas Undang2 Quarantine dan Menyekat Penyakit telah di-luluskan oleh Majlis Mashuarat Negeri pada 5hbl. February, 1958.

AHLI-AHLI LICENSING BOARDS BAGI TAHUN 1958

Atas kuatkuasa yang telah di-berikan kapada-nya menurut bab 18(2) dari Undang2 Excise (Cap. 37), maka Tuan Yang Berhormat British Resident dengan sukachita-nya melantek nama2 yang di-siarkan di-bawah menjadi ahli2 Licensing Boards bagi Daerah2 dalam Negeri Brunei untok tahun 1958.

Daerah2 Brunei, Muara, Temburong dan Tutong

Penolong Resident, Brunei (Pengurus)
 Pegawai Daerah, Brunei (Penolong Pengurus)
 Pegawai Daerah, Tutong
 Towkay Lim Cheng Choo (Dato Temenggong)
 Towkay Lim Si Pin
 A.M. Noor (Secretary) .

Daerah Belait

Penolong Resident (Pengurus)
 Pegawai Daerah, Kuala Belait (Penolong Pengurus)
 Superintendent of Trade & Customs (Secretary)
 Mr D.W. Chesterman
 Mr Clement Chia
 Mr Hong Kok Tin .

+++++++00000000000000000000+++++++

Haribulan	Edaran Anggaran	Edaran Sabenar	Edaran Active	Hitungan dari Active Anggaran
31hbl. Dec., '57	943,100,508	938,618,196	845,297,733	90%

Rangka di-atas menunjukkan perjalanan jumlah wang anggaran, sabenar dan active yang di-keluarkan oleh Lambaga Wang Tanah Melayu dan Borneo British.

Ini hanya terkhas kapada wang kertas.